



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH**

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN**

**KAJIAN TEMPATAN**

**TAHUN 4**



**Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

**2001**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# **KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH**

## **HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN**

**TAHUN 4**



**Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
2001**

**ISBN**

# **KANDUNGAN**

<b>RUKUN NEGARA</b>	i
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</b>	ii

<b>KATA PENGANTAR</b>	iii
-----------------------	-----

## **HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN**

Pendahuluan	1
Matlamat dan objektif	2
Organisasi kurikulum	3
Kurikulum Kajian Tempatan Tahun 4	12
Objektif Kurikulum Kajian Tempatan Tahun 4	13
Topik 1 : Rumah dan Keluarga	14
Topik 2 : Kejiranan	30
Topik 3 : Sekolah Kita	39
Topik 4 : Perihal Setempat	54

## RUKUN NEGARA

### **BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA**

Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

**P**endidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.


Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Mata pelajaran Kajian Tempatan merupakan mata pelajaran pendukung utama pemupukan semangat patriotik. Sehubungan itu, guru perlu bijak merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan dengan memberi penekanan terhadap pemupukan semangat patriotik di samping menyepadukan pelbagai disiplin ilmu, pengetahuan, kemahiran dan nilai serta pengalaman hidup yang seimbang dan harmonis sesama manusia dan antara manusia dengan alam persekitarannya.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN)**

Pengarah  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENDAHULUAN

Mata Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah yang terangkum dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan bertujuan membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu, hidup dalam masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang utuh, mengamalkan demokrasi, penyayang, progresif, sejahtera dan bersemangat patriotik.

Selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Mata Pelajaran Kajian Tempatan ini dapat melahirkan insan yang berilmu dan beramal, harmonis serta berketerampilan.

Mata Pelajaran Kajian Tempatan diajar di Tahap II mulai Tahun 4 hingga Tahun 6. Mata pelajaran ini dirancang untuk menjadi saluran utama bagi murid memperoleh pengetahuan, pemahaman asas serta pengalaman hidup yang seimbang dan harmonis sesama manusia dan antara manusia dengan alam persekitarannya. Interaksi ini mewujudkan pelbagai cara hidup masyarakat Malaysia dan memperlihatkan bagaimana mereka berusaha untuk mencapai kesejahteraan hidup. Mata pelajaran ini juga menjadi pendukung utama bagi memupuk semangat patriotik di kalangan murid.

Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut tiga ruang liput seperti berikut:

**Pertama : Keluarga, rumah , jiran dan sekolah.**

**Kedua : Kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri.**

**Ketiga : Negara kita.**

Kajian menerusi ruang liput dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang persekitarannya yang dekat sebelum menjangkau ke kawasan yang lebih jauh.

Setiap ruang liput terdiri daripada beberapa topik untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dipelajari murid. Setiap topik mengandungi subtopik-subtopik yang menentukan skop kajian. Topik-topik dibahagikan kepada Tahun 4, 5 dan 6 seperti berikut:

**Tahun 4 - Topik 1 hingga 4**

**Tahun 5 - Topik 5 hingga 8**

**Tahun 6 - Topik 9 hingga 12**



## **MATLAMAT**

Mata Pelajaran Kajian Tempatan bertujuan melahirkan murid yang setia pada negara, cinta akan tanah air, prihatin dan berbangga sebagai rakyat Malaysia serta boleh berinteraksi secara berkesan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmonis, bersatu padu, demokratik, progresif dan sentiasa mensyukuri nikmat Tuhan.

## **OBJEKTIF**

Kurikulum Kajian Tempatan Sekolah Rendah membolehkan murid:

1. mengetahui dan memahami peranan, tanggungjawab dan hak sebagai anggota dalam keluarga dan masyarakat ;
2. memahami dan menghargai keadaan fizikal setempat dan negara;
3. mengenali dan memahami ciri-ciri masyarakat setempat dan negara;
4. memahami dan menyedari perkembangan dan perubahan masyarakat setempat dan negara;

5. mencintai dan menghargai alam sekitar;
6. mengenali tokoh-tokoh dan menghargai sumbangan mereka dalam memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan;
7. memahami dan menghargai sejarah negara;
8. menguasai kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir;
9. menghargai keperibadian bangsa dan mempunyai semangat patriotik; dan
10. mensyukuri segala nikmat Tuhan.

## ORGANISASI KURIKULUM

Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan ini mengandungi program pembelajaran untuk tiga tahun mulai Tahun 4 hingga Tahun 6. Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut tiga ruang liput seperti yang berikut :

RUANG LIPUT	KANDUNGAN
Pertama	Keluarga, rumah, jiran dan sekolah.
Kedua	Kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan bahagian dan negeri.
Ketiga	Negara kita.

Kajian menerusi ruang liput ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang persekitarannya yang dekat sebelum menjangkau ke kawasan yang lebih jauh.

Ruang liput pertama iaitu **keluarga, rumah, jiran dan sekolah** menekankan interaksi murid dengan keluarga dan masyarakat serta amalan nilai-nilai hidup berjiran dan bermasyarakat.

Ruang liput kedua menyedarkan murid tentang identiti dan keistimewaan **kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri**

supaya mereka cinta dan bangga dengan persekitaran dan negeri mereka.

Ruang liput ketiga pula memberi pendedahan kepada murid tentang **sejarah, keadaan sosial, ekonomi dan kejayaan negara**. Ini akan menimbulkan kesedaran kepada murid tentang usaha pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui ruang liput tersebut dapat membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Setiap ruang liput dibahagikan kepada beberapa topik atau bidang pembelajaran untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dikaji oleh murid. Setiap topik mengandungi subtopik-subtopik yang menentukan skop kajian. Topik-topik dibahagikan kepada Tahun 4, 5 dan 6 seperti yang berikut :


**Tahun 4 - Topik 1 hingga 4**  
**Tahun 5 - Topik 5 hingga 8**  
**Tahun 6 - Topik 9 hingga 12**

Topik 1 hingga 4 untuk Tahun 4 bertujuan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran murid bagi memahami dan menghargai perihal setempat yang merangkumi ruang liput keluarga, rumah, jiran, sekolah, kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri. Melalui Topik 5 hingga 8, murid Tahun 5 diperkenalkan pula tentang latar belakang dan identiti negaranya supaya mereka cinta dan bangga kepada negara. Seterusnya melalui Topik 9 hingga 12, murid Tahun 6 dapat menghargai keperibadian bangsa dan mempunyai semangat patriotik ke arah pembinaan bangsa dan negara.

## BIDANG PEMBELAJARAN

TAHUN	TOPIK	TOPIK	TOPIK	TOPIK
TAHUN 4	RUMAH DAN KELUARGA	KEJIRANAN	SEKOLAH KITA	PERIHAL SETEMPAT
TAHUN 5	MENGENAL NEGARA KITA	KEINDAHAN NEGARA KITA	SEJARAH NEGARA KITA	MASYARAKAT MALAYSIA
TAHUN 6	SUMBER NEGARA	EKONOMI NEGARA	PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA	KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

**URUTAN BIDANG PEMBELAJARAN**



Bagi merancang dan melaksanakan mata pelajaran ini dengan berkesan di sekolah, guru perlulah mengetahui dan memahami matlamat, objektif, organisasi kandungan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah. Untuk meningkatkan pemahaman guru dan pihak-pihak yang mempunyai peranan dalam aktiviti latihan dan penyebaran maklumat tentang kandungan sukatan pelajaran tersebut, Huraian Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Tahun 4,5 dan 6 disediakan.

Tujuan Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan adalah untuk membantu guru:

- i. mentafsir dan memahami Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah dengan tepat;
- ii. mengetahui skop, ruang liput dan bidang kajian mata pelajaran ini;
- iii. menentukan objektif am, objektif khusus dan hasil pembelajaran untuk merancang pelajaran;
- iv. menyediakan rancangan pelajaran yang sistematis; dan
- v. melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Huraian Sukatan Pelajaran dipersembahkan dalam empat lajur iaitu **Topik/Subtopik**, **Hasil Pembelajaran**, **Unsur Patriotisme** dan **Contoh Aktiviti**. Setiap lajur tersebut mengandungi maklumat yang perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam lajur **Topik/Subtopik**, disenaraikan topik utama dan subtopik-subtopik kepada topik utama tersebut. Bagi setiap subtopik, disenaraikan tajuk-tajuk kecil. Topik utama, subtopik dan tajuk-tajuk kecil bagi subtopik ialah kandungan Sukatan Pelajaran. Bagi setiap tajuk kecil pula tercatat perincian huraian. Kedalaman dan keluasan skop sesuatu topik itu ditentukan oleh subtopik, tajuk kecil dan perincian huraian tajuk kecil.

Dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran mingguan dan harian, guru bolehlah memilih satu tajuk kecil atau rangkuman beberapa tajuk kecil sebagai isi pelajaran mengikut kesesuaian, kesediaan dan keupayaan murid.

Dalam lajur **Hasil Pembelajaran**, segala kemahiran dan pengalaman pembelajaran yang perlu dikuasai murid disenaraikan. Penyataan hasil pembelajaran diolah secara khusus supaya mudah diukur dengan tepat tentang apa yang boleh dimanifestasikan murid berhubung dengan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran mereka.

Hasil pembelajaran disenaraikan mengikut urutan kesukaran dan merangkumi bidang kognitif, afektif dan psikomotor.

Dalam lajur **Unsur Patriotisme** pula, disenaraikan nilai murni masyarakat dan semangat patriotik yang ingin dipupuk. Aspek ini amat penting disepadukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melaluinya murid akan dapat menghayati mesej yang disampaikan. Pemupukan unsur patriotisme ini boleh dilakukan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terancang. Penyataan semangat patriotik ini disenaraikan selaras dengan isi kandungan dalam lajur **Topik / Subtopik** dan **Hasil Pembelajaran**.

Untuk memastikan murid mengetahui, memahami dan menguasai pelbagai kemahiran, lajur **Contoh Aktiviti** disediakan. Berpandukan contoh aktiviti tersebut, guru dapat mengelolakan pelajaran dengan lebih berkesan.

Contoh yang disediakan adalah berbentuk kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid.

**Contoh :**

- i. Murid **menyenaraikan**.....
- ii. Murid **melakarkan peta**.....
- iii. Murid **mencatat**.....

Selain daripada aktiviti yang dicadangkan, guru bolehlah menjalankan aktiviti pembelajaran lain yang sesuai dengan murid. Aktiviti yang dirancang perlu mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- i. Menepati objektif dan isi pelajaran.
- ii. Mengikut kebolehan mental dan fizikal murid.
- iii. Bersesuaian dengan bakat, minat dan emosi murid.
- iv. Menggalakkan mereka berfikir, membuat kajian, mencatat atau merekod, berbincang dan membuat rumusan.
- v. Menggalakkan murid berusaha belajar sendiri dengan arahan dan panduan guru yang minimum.
- vi. Menggalakkan interaksi sesama murid dan murid dengan persekitarannya.
- vii. Menggalakkan murid menghasilkan tugas dalam pelbagai bentuk.
- viii. Menggalakkan murid bekerja secara kumpulan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik, guru perlulah merujuk kepada setiap ruang dalam Huraian Sukatan Pelajaran untuk memahami tumpuan, kedalaman dan keluasan sesuatu topik dan subtopik serta kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Guru bolehlah menambah maklumat lain yang dirasakan perlu bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dalam usaha ke arah mencapai matlamat Mata Pelajaran Kajian Tempatan, perkara yang berikut perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**i. Pendekatan Bersepadu**

Pendekatan bersepadu ialah satu strategi yang berkesan untuk menjalin dan mengadun unsur pengetahuan, kemahiran dan pemupukan patriotisme. Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan yang membicarakan interaksi sesama manusia dan persekitarannya, penekanan perlu diberikan terhadap pemerolehan pengetahuan, perkembangan kemahiran dan pemupukan semangat patriotik.

Melalui pendekatan bersepadu, penekanan juga perlu diberikan terhadap penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi dan bahasa ilmu. Di samping itu, pengetahuan dan kemahiran daripada mata pelajaran lain serta

pengalaman hidup seharian murid perlu dihubungkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

**ii. Pemahaman Idea dan Konsep**

Mata Pelajaran Kajian Tempatan mempunyai idea dan konsep yang khusus. Pemahaman dan penghayatan idea dan konsep amat penting supaya pengetahuan yang diperoleh berguna dalam kehidupan seharian.

**iii. Pemupukan Patriotisme**

Mata Pelajaran Kajian Tempatan adalah pendukung utama pemupukan semangat patriotik di sekolah rendah. Dalam pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu dibuat supaya murid dapat menyayangi keluarga, jiran dan persekitaran serta menghormati masyarakat, patuh kepada pemimpin dan taat kepada raja; dan seterusnya sentiasa mendaulatkan undang-undang. Pengalaman pembelajaran ini akan membentuk murid yang setia kepada negara dan bangga sebagai rakyat Malaysia.

**iv. Peningkatan Kemahiran Belajar, Kemahiran Sosial dan Kemahiran Berfikir.**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu diberikan kepada perkembangan kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir. Dalam kemahiran belajar, beberapa proses perlu dilalui oleh murid iaitu mengumpul dan mengelas maklumat, mentafsir, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi. Penguasaan kemahiran sosial seperti kemahiran berinteraksi dalam kelas, dalam kumpulan dan dalam masyarakat juga diutamakan. Kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir sentiasa berkait rapat dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kemantapan murid membuat rumusan dan usaha mengatasi sesuatu masalah banyak bergantung kepada keupayaan dan cara mereka berfikir. Oleh itu, murid perlu dibimbing dan digalakkan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

**v. Penggunaan Pelbagai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran**

Untuk mengembangkan lagi potensi serta meningkatkan keupayaan dan kebolehan murid secara menyeluruh dan seimbang, murid

perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi Mata Pelajaran Kajian Tempatan, **pelbagai kaedah boleh digunakan**. Salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan ialah kaedah **inkuiri penemuan**.

Kaedah inkuiri penemuan sesuai digunakan kerana melalui kaedah ini, murid memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran dengan daya usaha mereka sendiri. Murid mencari dan mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai aktiviti. Dengan itu, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh adalah lebih bermakna dan berkesan..

Kaedah ini juga dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan naluri ingin tahu di kalangan murid. Dalam menjalankan proses inkuiri penemuan, murid akan lebih peka kepada keadaan masyarakat dan persekitarannya.

Kaedah inkuiri penemuan adalah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusat kepada murid. Murid memainkan peranan penting dalam merancang dan menjalankan aktiviti pembelajarannya. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam mencari dan mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai aktiviti seperti memerhati, mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan, membuat



ulang kaji dan membuat kaji selidik. Aktiviti ini boleh dijalankan secara bersendirian atau kumpulan. Aktiviti tersebut merupakan kemahiran penting dalam tugasan yang lebih menyeluruh seperti kerja projek, kajian kes, simulasi, lawatan, main peranan dan kuiz.

Mengikut kaedah ini, guru bertindak sebagai pembimbing dan penggalak untuk merangsang murid menjadi lebih yakin dan berminat dalam menjalankan aktiviti pembelajarannya.

Pada amnya, kaedah inkuiri penemuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ada lima peringkat. Pada setiap peringkat, murid terlibat secara aktif dalam:

- a. mengenal pasti perkara yang hendak dikaji melalui soal jawab dan perbincangan;
- b. menentukan cara untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti dengan bersoal jawab dan berbincang;
- c. mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai cara seperti bersoal jawab, mencerap, membuat uji kaji dan kaji siasat mengenai masalah yang hendak diselesaikan;
- d. mengkaji maklumat yang telah dikumpulkan dengan cara mengelas, membanding dan menganalisis untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi; dan

- e. membuat rumusan dalam bentuk generalisasi berdasarkan maklumat yang telah dikumpul dan dianalisis.

Oleh sebab inkuiri penemuan ini kaedah yang berpusatkan murid, guru perlu membimbing dan menggalakkan murid dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi. Dalam menjalankan aktiviti untuk mendapatkan rumusan, guru tidak memberi jawapan sebelum murid terlibat dalam proses **inkuiri penemuan**. Guru hendaklah sentiasa mengemukakan soalan yang merangsang murid ke arah menemui jawapan yang dicari. Guru perlu sabar dan memberi masa yang cukup kepada murid bagi menjalankan aktiviti pembelajaran yang berkaitan.

Walaupun kaedah inkuiri penemuan diberi penekanan, guru boleh menggunakan kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi menyampaikan sesuatu maklumat atau idea kepada murid. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan kaedah lain, guru hendaklah sentiasa melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Kepelbagaian kecerdasan murid perlu diambilkira bagi memperkukuh dan

memperkaya pengalaman pembelajaran mereka.

**vii. Komuniti Sebagai Sumber**

Dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah inkuiri penemuan, murid memainkan peranan penting dalam mencari maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau isu.

Bagi Mata Pelajaran Kajian Tempatan, komuniti setempat merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat, murid boleh bergaul rapat dengan komuniti.

Daripada komuniti, murid dapat mengumpulkan berbagai-bagai bahan dan peralatan budaya yang mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tertentu.

Murid juga boleh memerhati atau menyertai sendiri berbagai-bagai kegiatan yang dijalankan dalam komunitinya. Dengan ini, murid mendapat pengalaman pembelajaran yang berguna. Selain itu, anggota komuniti itu sendiri dapat digunakan sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat. Mereka ini boleh dikunjungi atau dijemput untuk memberi ceramah. Guru perlu menyedarkan murid betapa besarnya potensi komuniti setempat sebagai sumber maklumat dalam proses pembelajaran.

Untuk mendapatkan maklumat, murid perlu menguasai kemahiran memerhati, mengumpul serta mengkaji bahan dan menemu bual.

## **KURIKULUM KAJIAN TEMPATAN TAHUN 4**

### **KANDUNGAN**

Kandungan pelajaran Tahun 4 merangkumi dua ruang liput iaitu :

- Pertama : Keluarga, rumah, jiran dan sekolah**  
**Kedua : Kawasan tempat tinggal mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri.**

Ruang liput pertama iaitu keluarga, rumah, jiran dan sekolah menekankan interaksi murid dengan keluarga, komuniti sekolah dan masyarakat serta amalan hidup berjiran dan bermasyarakat.

Ruang liput kedua menyedarkan murid tentang identiti dan keistimewaan kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri supaya mereka cinta dan bangga dengan persekitaran dan negeri mereka.

Ruang liput bagi Tahun 4 terdiri daripada empat topik iaitu:

**Topik 1 : Rumah dan keluarga**

**Topik 2 : Kejiranan**

**Topik 3 : Sekolah kita**

**Topik 4 : Perihal setempat**

## OBJEKTIF KURIKULUM KAJIAN TEMPATAN TAHUN 4

Objektif kurikulum Kajian Tempatan Tahun 4 membolehkan murid:

1. mengenali rumah sendiri dari segi bentuk, kemudahan asas dan fungsinya sebagai tempat perlindungan;
2. memahami keluarga sebagai satu institusi sosial dan peranan setiap anggota keluarga;
3. menghargai rumah dan keluarga sendiri;
4. mengenali jiran dan cara hidupnya;
5. menyedari kepentingan hidup berjiran;
6. memahami peranan dan tanggungjawab hidup berjiran;
7. melahirkan rasa bangga dan kesediaan melibatkan diri dalam aktiviti komuniti;
8. mengenal pasti lokasi sekolah dan ciri-ciri fizikal utama di sekelilingnya;
9. menyayangi dan berbangga terhadap sekolah serta berusaha untuk menaikkan nama baiknya;
10. memahami peranan dan sumbangan ibu bapa dan masyarakat terhadap sekolah dan sebaliknya;
11. mengenali latar belakang taman/taman/ladang/kampung, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri tempat tinggal dari segi lokasi dan aspek fizikal;
12. memperihalkan identiti setempat dari segi sejarah dan struktur pentadbiran;
13. mengenali ciri-ciri masyarakat setempat dari segi komposisi penduduk, kegiatan ekonomi utama, agama dan kepercayaan serta perayaan setempat;
14. mengetahui dan menghargai kepentingan kemudahan perkhidmatan awam yang disediakan;
15. peka kepada isu-isu setempat; dan
16. memupuk perasaan cinta dan bangga akan taman/ladang, kampung, mukim, daerah/ jajahan, bahagian dan negeri tempat tinggal.

## **TOPIK 1 : RUMAH DAN KELUARGA**

Topik ini mengisahkan perihal rumah dan keluarga murid serta interaksi dalam keluarga. Menerusi topik ini, murid akan mengetahui dan memahami tentang rumah sebagai tempat perlindungan, konsep keluarga asas dan keluarga kembangan, cara hidup dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam keluarga dari semasa ke semasa. Topik ini juga menyentuh tentang peranan dan tanggungjawab murid terhadap rumah dan keluarga.

**TOPIK 1 : RUMAH DAN KELUARGA**

- OBJEKTIF:**
1. Memahami keluarga sebagai satu institusi sosial dan peranan setiap anggota keluarga.
  2. Mengenali rumah sendiri dari segi bentuk, kemudahan asas dan fungsinya sebagai tempat perlindungan.
  3. Menghargai rumah dan keluarga sendiri.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>1. RUMAH DAN KELUARGA</b></p> <p><b>1.1 Perihal Keluarga</b></p> <p><b>a. Keluarga asas</b></p> <p>i. Konsep keluarga asas</p> <p>ii. Anggota keluarga asas</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan pengertian keluarga asas.</p> <p>2. Menyenaikan nama, panggilan atau gelaran anggota keluarga asas.</p>	<p>Menyayangi anggota keluarga asas.</p>	<p>1. Membina carta salasilah keluarga asas.</p> <p>2. Membincangkan carta keluarga asas.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghuraikan carta keluarga asas.</li> <li>2. Menyatakan keistimewaan setiap anggota keluarga asas.</li> <li>3. Membandingkan dan membezakan keluarga asas sendiri dengan keluarga asas rakan.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan gelaran anggota keluarga asas.</li> <li>2. Meramalkan kesan sekiranya tiada zuriat.</li> <li>3. Memberi pendapat tentang usaha ke arah mewujudkan keluarga asas yang bahagia.</li> </ol>	<p>Berbangga dengan keistimewaan keluarga sendiri.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Melahirkan perasaan kasih sayang kekeluargaan melalui pelbagai aktiviti seperti puisi, lukisan, bercerita dan penulisan.</li> <li>4. Menulis karangan pendek tentang keistimewaan salah seorang anggota keluarga.</li> <li>5. Menggunakan pengurusan grafik untuk membandingkan keluarga asas sendiri dengan keluarga asas rakan dari aspek nama, panggilan dan bilangan anggota.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Keluarga kembangan</b></p> <p>i. Konsep keluarga kembangan</p> <p>ii. Anggota keluarga kembangan seperti datuk, nenek, emak saudara, sepupu, ipar, biras dan cucu</p> <p>iii. Pertalian dan panggilan seperti Pak Long dan Mak Long, Opah dan Aki</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan pengertian keluarga kembangan.</li> <li>2. Menyenaraikan nama dan panggilan anggota keluarga kembangan.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan keistimewaan anggota keluarga kembangan.</li> <li>2. Membina carta salasilah keluarga kembangan.</li> <li>3. Menghuraikan carta yang menunjukkan pertalian dan panggilan keluarga kembangan.</li> </ol>	<p>Menyayangi anggota keluarga kembangan.</p> <p>Berbangga dengan keistimewaan anggota keluarga kembangan.</p> <p>Berbangga dengan wujudnya kesefahaman dan kasih sayang antara anggota keluarga.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membina dan melabel carta keluarga kembangan.</li> <li>2. Membincangkan carta keluarga kembangan.</li> <li>3. Melahirkan perasaan kasih sayang kekeluargaan melalui pelbagai media seperti puisi, lukisan, bercerita dan penulisan.</li> <li>4. Menghubungkan pertalian dan panggilan seperti datuk, nenek, bapa saudara dan emak saudara  <b>Contoh :</b>                      Bapa saudara : Pak Long dan Pak Ngah                      Nenek : Wan, Opah dan Atuk</li> </ol>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Peranan dan tanggungjawab</b></p> <p>i. Bapa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua keluarga</li> <li>• Menyediakan tempat tinggal</li> <li>• Menyara keluarga</li> <li>• Membuat keputusan</li> <li>• Menjaga keselamatan keluarga</li> <li>• Memberi pendidikan</li> </ul> <p>ii. Ibu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurus rumah tangga</li> <li>• Mendidik dan mengasuh</li> <li>• Menjaga keselesaan</li> <li>• Memberi kasih sayang</li> </ul>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membina program yang boleh membawa faedah kepada semua anggota keluarga kembangan.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan peranan setiap anggota keluarga.</p> <p>2. Menyatakan kewajipan menghormati ibu bapa.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menghuraikan peranan dan tanggungjawab setiap anggota keluarga.</p> <p>2. Membandingkan dan membezakan peranan dan tanggungjawab setiap anggota keluarga.</p>	<p>Saling menghormati antara anggota keluarga kembangan.</p> <p>Sentiasa mentaati ibu bapa.</p> <p>Menghargai peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh setiap anggota keluarga.</p>	<p>5. Menceritakan keistimewaan salah seorang daripada anggota keluarga kembangan.</p> <p>1. Main peranan tentang suatu situasi kekeluargaan seperti peranan bapa menasihati anak-anaknya supaya rajin membantu kerja-kerja di rumah.</p> <p>2. Membincangkan peranan dan tanggungjawab keluarga berdasarkan tayangan video yang bertemakan keluarga bahagia.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>iii. Anak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghormati keluarga</li> <li>• Membantu tugas harian</li> <li>• Menjaga keselamatan</li> </ul> <p>d. Perubahan dalam keluarga</p> <p>i. Pertambahan dan pengurangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelahiran</li> <li>• Kematian</li> <li>• Perkahwinan</li> </ul>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Meramalkan akibat sekiranya anggota keluarga tidak melaksanakan peranan dan tanggungjawab.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menerangkan sebab perubahan dalam keluarga.</p> <p>2. Menyatakan perasaan apabila berlaku sesuatu perubahan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menceritakan kesan perubahan yang berlaku dalam keluarga.</p>	<p>Sentiasa bersedia dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan ikhlas.</p> <p>Menyedari pentingnya menyesuaikan diri dengan pelbagai perubahan dalam keluarga.</p> <p>Meredai perubahan yang berlaku dalam keluarga.</p>	<p>3. Menyanyi dan membincangkan lirik lagu berunsur kekeluargaan seperti lagu "Keluarga Bahagia".</p> <p>4. Menceritakan peranan ibu bapa yang sentiasa berkorban bagi kebahagiaan hidup keluarganya.</p> <p>1. Menceritakan dan membincangkan peristiwa perubahan yang berlaku dalam keluarga.</p> <p>2. Perbincangan tentang kesan daripada peristiwa yang berlaku di dalam keluarga.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>ii. Perubahan tempat tinggal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan</li> <li>• Perubahan sikap</li> <li>• Penyesuaian dalam persekitaran yang baru</li> </ul> <p><b>e. Cara hidup berkeluarga</b></p> <p>i. Hidup beradab seperti semasa makan, menerima tetamu, menziarah dan meninggalkan rumah</p> <p>ii. Adab berbahasa seperti cara memanggil, menjawab panggilan dan memberi arahan</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meramalkan kesan kepada sesuatu komuniti jika sebahagian daripada keluarga kembangan berpindah secara berterusan.</li> </ol> <p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan cara hidup beradab dalam keluarga.</li> <li>2. Menyenaraikan adab yang diamalkan dalam kehidupan seharian.</li> <li>3. Menyatakan cara berinteraksi yang baik dalam keluarga.</li> </ol>	<p>Mengamalkan perlakuan yang bersopan dan bertatasusila.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Memberi cadangan cara menyesuaikan diri apabila berlaku perubahan dalam keluarga.</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Simulasi tentang adab bersopan seperti semasa makan, menerima tetamu dan menghormati orang lebih tua.</li> <li>2. Melakurkan cara adab berbahasa seperti bercakap dengan orang lebih tua, tetamu dan rakan dalam amalan harian.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
iii. Bersopan dan bertatasusila iv. Bertolak ansur dan bekerjasama v. Mengeratkan silatulahim vi. Bantu-membantu untuk kebajikan bersama dan menjaga warisan keluarga	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan cara-cara berbahasa yang sopan semasa memanggil, menjawab panggilan dan memberi arahan.</li> <li>2. Menjelaskan perlunya menjaga nama baik sebagai warisan keluarga.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan cara hidup berkeluarga kaum-kaum di Malaysia.</li> <li>2. Meramalkan kesan kepada keluarga jika tidak mengamalkan interaksi yang baik.</li> </ol>	<p>Bersopan- santun dan berbudi bahasa dijadikan amalan hidup.</p> <p>Menghargai dan mengekalkan nama baik warisan keluarga.</p> <p>Mengamalkan hubungan mesra dalam keluarga.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Menceritakan pengalaman semasa menziarahi anggota keluarga yang ditimpa kemalangan.</li> <li>4. Berbincang tentang cara berinteraksi yang baik dalam keluarga.</li> <li>5. Mengadakan sesi ceramah tentang cara-cara menjaga nama baik keluarga.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>1.2 Perihal Rumah</b></p> <p><b>a. Rumah saya</b></p> <p>i. Lokasi</p> <p>ii. Persekitaran</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan kepentingan rumah kepada manusia.</li> <li>2. Menceritakan kedudukan rumah murid berdasarkan peta lakar yang dilukis.</li> <li>3. Menerangkan bentuk muka bumi di persekitaran rumah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menceritakan tentang lokasi rumah sendiri.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghuraikan ciri fizikal yang sesuai sebagai lokasi tempat tinggal.</li> </ol>	<p>Bersyukur dengan adanya rumah sebagai tempat perlindungan.</p> <p>Peka terhadap keceriaan persekitaran tempat tinggal sendiri.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melukis peta lakar yang menunjukkan lokasi rumah.</li> <li>2. Menandakan dan melabelkan bentuk muka bumi di persekitaran rumah dalam peta lakar.</li> <li>3. Menghasilkan model rumah daripada bahan terbang.</li> <li>4. Menceritakan keistimewaan persekitaran rumah sendiri.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Pembinaan rumah</b></p> <p>i. Pelan</p> <p>ii. Bahan binaan</p> <p>iii. Pihak yang terlibat seperti arkitek, kontraktor, tukang kayu dan tukang paip</p>	<p>2. Meramalkan kemajuan dan pembangunan pada masa hadapan di persekitaran rumah sendiri.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Melakar pelan tapak sebuah rumah.</p> <p>2. Menyenaraikan bahan binaan untuk membuat rumah.</p> <p>3. Menamakan pihak yang terlibat dalam pembinaan rumah.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Melakar pelan rumah sendiri.</p> <p>2. Menghuraikan bahan-bahan yang diperlukan untuk membina sebuah rumah.</p>	<p>Bersyukur dan berbangga dengan rumah sendiri.</p> <p>Menghargai orang yang terlibat dalam pembinaan rumah.</p>	<p>1. Melakar dan membandingkan pelan tapak rumah.</p> <p>2. Berbincang dan menyenaraikan bahan membina rumah.</p> <p>3. Wawancara bersama orang sumber yang terlibat dalam pembinaan rumah.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Jenis rumah</b></p> <p>i. Rumah tradisional seperti rumah melaka, rumah minangkabau, rumah panjang, rumah bagan dan rumah rakit</p>	<p>3. Memberi sebab mengapa pelbagai pihak diperlukan dalam pembinaan rumah.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Menghuraikan perlunya proses yang betul dalam pembinaan.</p> <p>2. Merancang penggunaan bahan-bahan alternatif yang boleh digunakan dalam pembinaan rumah.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menamakan jenis rumah yang terdapat di Malaysia.</p> <p>2. Mengelaskan jenis rumah tradisional dan jenis rumah moden.</p>	<p>Berbangga dengan adanya pelbagai jenis rumah yang terdapat di negara kita.</p>	<p>4. Membuat lawatan ke kawasan pembinaan rumah berhampiran untuk mengkaji serta mengumpul maklumat.</p> <p>1. Membincangkan pelbagai jenis rumah berdasarkan gambar.</p> <p>2. Membandingkan dan membezakan dua jenis rumah menggunakan pengurusan grafik.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Rumah moden seperti banglo, rumah teres, rumah pangsa, kondominium dan rumah sebandung	<p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Membandingkan dan membezakan rumah tradisional dan rumah moden.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat generalisasi tentang kesesuaian sesuatu jenis rumah dengan kawasan tertentu.</p>	Berbangga dengan nilai estetika seni bina rumah di negara kita.	<p>3. Menyanyi dan membincangkan lirik lagu bertemakan rumah.</p> <p>4. Membuat buku skrap tentang pelbagai jenis rumah.</p> <p>5. Membina model rumah daripada bahan seperti kotak, kertas, ranting dan plastisin.</p> <p>6. Menulis puisi bertemakan rumah.</p> <p>7. Membincangkan mengapa sesuatu jenis rumah hanya sesuai dibina di kawasan tertentu.</p> <p>8. Melakarkan sebuah rumah impian dengan menggunakan perisian komputer 'Auto Cad'.</p>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>d. Ruang dan kegunaan</b></p> <p>i. Ruang-ruang dalam rumah seperti ruang tamu, bilik tidur, bilik mandi dan dapur</p> <p>ii. Kegunaan ruang-ruang dalam rumah</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menamakan ruang-ruang dalam rumah.</li> <li>2. Menyatakan kegunaan setiap ruang dalam rumah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan kewajaran meletakkan sesuatu ruang di tempat yang tertentu dalam sebuah rumah.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meramalkan kesan dan akibat sekiranya sebuah rumah mempunyai satu ruang sahaja.</li> </ol>	<p>Bersyukur atas kemudahan dan keselesaan yang dinikmati di dalam rumah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melukis ruang dalam rumah.</li> <li>2. Membincangkan kegunaan setiap ruang.</li> <li>3. Membuat model ruang-ruang dalam rumah.</li> <li>4. Mengumpul gambar ruang-ruang dalam rumah untuk membuat buku skrap.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>e. Kemudahan asas</b></p> <p>i. Jenis kemudahan asas</p> <p>ii. Kepentingannya</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan kemudahan asas sebuah rumah.</li> <li>2. Menyenaraikan pentingnya kemudahan asas dalam sebuah rumah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan penggunaan kemudahan asas secara optimum*.</li> <li>2. Menyatakan kesan dan akibat sekiranya ketiadaan kemudahan asas.</li> <li>3. Menceritakan sumber kemudahan asas rumah sendiri.</li> </ol>	<p>Bertanggungjawab dan berjimat -cermat dalam penggunaan kemudahan asas.</p> <p>Bersyukur dengan kemudahan asas yang ada.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menonton tayangan video tentang pengurusan kemudahan asas dan mencatatkan kepentingannya.</li> <li>2. Membincangkan langkah-langkah penjimatan semua kemudahan asas.</li> <li>3. Membanding dan membezakan keperluan asas dahulu dan sekarang.</li> </ol>

Glosari optimum \* : penggunaan mengikut keperluan dan menguntungkan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>f. Keceriaan dan keselamatan</b></p> <p>i. Penjagaan kebersihan dan keceriaan</p> <p>ii. Keselamatan rumah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Langkah mencegah kemalangan seperti kebakaran dan kecurian</li> <li>• Penggunaan bahan dan alatan</li> <li>• Penyenggaraan alatan</li> </ul>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membandingkan dan membezakan keperluan kemudahan asas dahulu dengan sekarang.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan cara menjaga keceriaan rumah.</p> <p>2. Menyenaraikan langkah menjaga keselamatan di rumah.</p> <p>3. Menyatakan akibat jika langkah-langkah keselamatan diabaikan.</p>	<p>Berbangga dan menghargai keceriaan rumah .</p> <p>Bertanggungjawab dan bertindak wajar bagi menjamin keselamatan.</p>	<p>1. Membuat buku skrap tentang keceriaan rumah.</p> <p>2. Demonstrasi menggunakan alat pemadam api.</p> <p>3. Tunjuk cara rawatan pertolongan cemas yang mudah.</p> <p>4. Mengelaskan alatan atau bahan yang membahayakan diri di rumah dan langkah mengelakkan kemalangan.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghuraikan tentang cara penjagaan kebersihan dan keceriaan rumah.</li> <li>2. Menjelaskan cara penyenggaraan alatan di rumah.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meramalkan kemungkinan sekiranya penggunaan alatan di rumah hanya bergantung kepada kuasa elektrik sahaja.</li> <li>2. Mereka cipta dan menghuraikan penggunaan alat keselamatan terkini berasaskan teknologi futuristik.</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>5. Mengkaji dan berbincang tentang penyenggaraan alatan dan bahan di bengkel Kemahiran Hidup di sekolah.</li> </ol>

## **TOPIK 2 : KEJIRANAN**

Topik ini memberi fokus kepada mengenali jiran dan kepentingan hidup berjiran. Topik ini juga menyediakan asas untuk murid berinteraksi dalam masyarakat. Selain itu, murid juga didedahkan kepada amalan dan tanggungjawab hidup berjiran. Pada keseluruhannya, topik ini menekankan pemupukan nilai-nilai murni hidup berjiran dan bermasyarakat.

**TOPIK 2 : KEJIRANAN**

- OBJEKTIF :**
1. Mengenalinya jiran dan memahami cara hidupnya.
  2. Menyedari kepentingan hidup berjiran.
  3. Memahami peranan dan tanggungjawab berjiran.
  4. Melahirkan kebanggaan dan kesediaan untuk menyumbang dalam aktiviti masyarakat.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>2. KEJIRANAN</b></p> <p><b>2.1 Perihal Jiran</b></p> <p><b>a. Anggota keluarga jiran</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Nama jiran</li> <li>ii. Jenis pertalian</li> <li>iii. Bilangan anggota dalam keluarga jiran</li> </ol>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan pengertian jiran.</li> <li>2. Menyenaraikan nama dan bilangan anggota jiran.</li> <li>3. Menerangkan pertalian murid dengan jiran.</li> </ol>	<p>Mengenalinya, menghormati dan menyayangi jiran.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menziarahi dan menemu bual jiran berdasarkan kad tugas.</li> <li>2. Pembentangan hasil temu bual.</li> <li>3. Membuat carta salasilah anggota keluarga jiran.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Latar belakang jiran</b></p> <p>i. Bangsa atau kaum</p> <p>ii. Tempat asal</p> <p>iii. Jenis pekerjaan</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menceritakan perihal keluarga jiran yang istimewa.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Memberi pendapat mengapa jiran sebagai anggota keluarga terdekat.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan tempat asal jiran.</p> <p>2. Menerangkan bangsa atau kaum jiran.</p> <p>3. Menyenaraikan jenis pekerjaan jiran.</p>	<p>Jiran sebagai anggota keluarga yang terdekat dengan kita.</p>	<p>1. Mengumpul dan menyampaikan maklumat tentang bangsa, kaum dan tempat asal jiran murid.</p> <p>2. Membincangkan jenis pekerjaan jiran.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Cara hidup</b></p> <p>i. Amalan harian</p> <p>ii. Agama, kepercayaan dan hari kebesaran</p> <p>iii. Makanan dan pakaian</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menghuraikan faedah sekiranya mempunyai jiran yang berlatar belakang bangsa atau kaum dan jenis pekerjaan yang berbeza.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat generalisasi tentang jenis pekerjaan jiran di sesuatu kawasan.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan amalan harian jiran.</p> <p>2. Menyatakan agama, kepercayaan dan hari kebesaran yang dirayakan oleh jiran.</p>	<p>Menghormati, bertoleransi dan bekerjasama untuk melahirkan semangat kekitaan dan setiakawan.</p> <p>Menghormati amalan, agama dan kepercayaan jiran.</p>	<p>3. Mengumpul gambar dan membincangkan jenis pekerjaan.</p> <p>4. Bercerita tentang peristiwa yang melibatkan murid dengan jiran.</p> <p>1. Membuat pemerhatian tentang amalan harian jiran.</p> <p>2. Membuat perbandingan dan membezakan keluarga jiran dengan keluarga murid.</p>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>3. Menyenaraikan jenis makanan dan pakaian jiran.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menerangkan persamaan dan perbezaan aktiviti yang dilakukan di kalangan jiran.</p> <p>2. Menceritakan agama dan kepercayaan, hari kebesaran dan perayaan jiran yang berlainan keturunan.</p> <p>3. Menghuraikan cara anggota keluarga jiran berinteraksi.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Mengklasifikasikan agama dan kepercayaan, dan hari kebesaran jiran murid.</p>	<p>Berbangga dengan wujudnya kesefahaman dan toleransi antara keluarga murid dan jiran.</p>	<p>3. Menggunakan pengurusan grafik untuk mengelaskan agama, kepercayaan dan hari kebesaran jiran murid.</p> <p>4. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat tentang makanan dan pakaian.</p> <p><a href="http://www.pointpub.com/kampungnet/food.htm/">http://www.pointpub.com/kampungnet/food.htm/</a></p> <p><a href="http://www.phg.lib.edu.my/pakaian.htm">http://www.phg.lib.edu.my/pakaian.htm</a></p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>2.2 Hidup Berjiran</b></p> <p><b>a. Kepentingan hidup berjiran</b></p> <p>i. Bantu -membantu dalam kesusahan atau kecemasan</p> <p>ii. Berusaha merapatkan hubungan sesama jiran</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan kebaikan hidup berjiran.</li> <li>2. Menyenaraikan cara untuk merapatkan hubungan sesama jiran.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mencadangkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan sesama jiran.</li> <li>2. Menghuraikan aktiviti-aktiviti kejiranan yang dapat mengeratkan semangat kejiranan.</li> </ol>	<p>Menyedari kepentingan persefahaman dan permuafakatan sesama jiran.</p> <p>Menghargai keharmonian hidup berjiran.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakonkan situasi membantu jiran dalam kecemasan.</li> <li>2. Bercerita berdasarkan gambar aktiviti kejiranan.</li> <li>3. Memberi pendapat mengapa jiran sebagai keluarga terdekat.</li> <li>4. Menulis karangan bertemakan kejiranan.</li> <li>5. Sumbang saran kesan dan akibat andainya murid tidak mempunyai jiran.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Peranan dan tanggungjawab</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pergaulan mesra</li> <li>ii. Kebajikan</li> <li>iii. Keselamatan</li> <li>iv. Penglibatan dalam aktiviti setempat</li> </ul>	<p>3. Menyarankan langkah yang perlu diambil sekiranya jiran menghadapi kesusahan atau kecemasan.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Meramalkan akibat sekiranya kita tidak mengamalkan semangat kejiranan.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan peranan dan tanggungjawab jiran.</p> <p>2. Menceritakan cara pergaulan yang baik sesama jiran.</p>	<p>Memupuk perasaan kasih sayang dan prihatin sesama jiran, sesuai dengan hasrat ke arah masyarakat penyayang.</p>	<p>1. Lakonan bertemakan hubungan baik sesama jiran.</p> <p>2. Perbincangan tentang aspek kebajikan dan keselamatan hidup berjiran.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>3. Menerangkan tentang pentingnya menjaga kebajikan dan keselamatan sesama jiran.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan pentingnya melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.</p> <p>2. Menyatakan khidmat dan sumbangan kita sebagai jiran dalam komuniti.</p> <p>3. Menghuraikan maksud peribahasa 'berat sama di pikul, ringan sama di jinjing' dalam hidup berjiran.</p>	<p>Saling menyayangi dan prihatin sesama jiran ke arah mewujudkan masyarakat penyayang.</p> <p>Menyedari kebajikan dan keselamatan jiran adalah tanggungjawab bersama.</p>	<p>3. Simulasi dalam satu mesyuarat untuk melaksanakan sesuatu aktiviti kemasyarakatan.</p> <p>4. Menjalankan beberapa jenis permainan yang berkonsepkan semangat tolong-menolong.</p> <p>5. Menulis laporan berdasarkan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi pendapat apa terjadi sekiranya jiran tidak mengamalkan tanggungjawab hidup berjiran.</li> <li>2. Menganalisis projek komuniti yang bertujuan meningkatkan kesedaran hidup berjiran.</li> </ol>		

### **TOPIK 3 : SEKOLAH KITA**

Menerusi topik ini, murid dapat mempelajari hal-hal yang berkaitan dengan sekolah seperti lokasi, sejarah dan struktur organisasi. Melalui topik ini, murid akan diberi pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap sekolah. Selain itu, tajuk ini juga akan membincangkan sumbangan sekolah kepada masyarakat dan khidmat masyarakat kepada sekolah.

**TOPIK 3 : SEKOLAH KITA**

- OBJEKTIF :**
1. Mengenali lokasi sekolah dan ciri-ciri fizikal utama di sekelilingnya.
  2. Menyayangi dan berbangga terhadap sekolah dan sejarahnya serta berusaha untuk menaikkan nama baiknya.
  3. Memahami peranan dan sumbangan ibu bapa dan masyarakat terhadap sekolah dan sebaliknya.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>3. SEKOLAH KITA</b></p> <p><b>3.1 Perihal Sekolah</b></p> <p><b>a. Lokasi</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Ciri fizikal</li> <li>ii. Kedudukan bilik darjah murid dalam sekolah</li> <li>iii. Kedudukan murid dalam bilik darjah</li> </ol>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan lokasi sekolah murid.</li> <li>2. Menandakan kedudukan bilik darjah dalam pelan sekolah.</li> <li>3. Menandakan kedudukan murid dalam pelan bilik darjah.</li> </ol>	<p>Menyayangi dan berbangga terhadap sekolah sendiri.</p> <p>Bersyukur dan bertanggungjawab terhadap bangunan dan kawasan persekitaran sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melukis peta lakar lokasi sekolah dan ciri persekitarannya.</li> <li>2. Melukis pelan dan melabel tapak kawasan sekolah dan menandakan bilik darjah murid.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan ciri fizikal dan persekitaran sekolah.</li> <li>2. Menjelaskan kedudukan bilik darjah murid dalam pelan sekolah.</li> <li>3. Melakar dan melabel peta sekolah dan kawasannya.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan kesesuaian kedudukan bilik darjah di sekolah.</li> <li>2. Menyatakan kesesuaian kedudukan sekolah dengan persekitarannya.</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Melukis pelan bilik darjah dan menentukan kedudukan meja murid dalam bilik darjah.</li> </ol>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Sejarah</b></p> <p>i. Latar belakang</p> <p>ii. Peristiwa penting</p> <p>iii. Kejayaan sekolah</p> <p>iv. Sejarah perkembangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• fizikal</li> <li>• bilangan murid</li> <li>• staf</li> </ul>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menceritakan sejarah nama sekolah.</li> <li>2. Menceritakan secara ringkas sejarah penubuhan sekolah.</li> <li>3. Menyenaraikan pencapaian dan kejayaan sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menceritakan peristiwa yang pernah berlaku di sekolah.</li> <li>2. Menjelaskan kejayaan sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaporkan sejarah perkembangan sekolah dari segi fizikal, perubahan bilangan murid dan kakitangan sekolah.</li> </ol>	<p>Mengenang jasa pihak yang menubuhkan sekolah.</p> <p>Berbangga dengan kejayaan sekolah serta berusaha meningkatkannya.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mencari dan mencatat maklumat dari pelbagai sumber tentang sejarah penubuhan sekolah.</li> <li>2. Menceritakan salah satu peristiwa penting yang berlaku di sekolah.</li> <li>3. Membincang dan menyenaraikan kejayaan sekolah.</li> <li>4. Temu bual dengan orang sumber tentang perkembangan fizikal sekolah.</li> <li>5. Merujuk pelbagai sumber untuk mendokumentasikan sejarah sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Identiti</b></p> <p>i. Lencana, moto, bendera dan lagu sekolah</p> <p>ii. Visi, misi dan piagam pelanggan sekolah</p> <p>iii. Budaya sekolah seperti disiplin, suasana dan keceriaan</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti dengan mengecam lencana, moto dan bendera sekolah.</li> <li>2. Menyanyikan lagu sekolah dengan betul.</li> <li>3. Memberi maksud warna dan simbol pada lencana dan bendera sekolah.</li> <li>4. Menyatakan peraturan sekolah yang perlu dipatuhi.</li> <li>5. Menyenaikan usaha-usaha pihak sekolah untuk mengekalkan kebersihan dan keindahan sekolah.</li> <li>6. Menyatakan misi, visi dan piagam pelanggan sekolah.</li> </ol>	<p>Bertanggungjawab menjaga dan meningkatkan imej sekolah di kaca mata masyarakat.</p> <p>Bersama bertanggungjawab atas keceriaan dan identiti sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyanyikan lagu sekolah dengan penuh semangat.</li> <li>2. Mewarna lencana dan bendera sekolah.</li> <li>3. Berbincang tentang pengertian lencana, moto, lagu dan bendera sekolah.</li> <li>4. Menemu bual guru-guru untuk mendapatkan maklumat tentang visi, misi atau piagam pelanggan sekolah.</li> <li>5. Pertandingan melukis poster bertemakan visi, misi atau piagam pelanggan sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghuraikan maksud simbol dan moto yang terdapat dalam lencana sekolah.</li> <li>2. Menjelaskan maksud seni kata lagu sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membuat generalisasi tentang ciri sekolah yang cemerlang.</li> <li>2. Meramalkan kesan terhadap sekolah yang imejnya terjejas.</li> </ol>	<p>Berbangga dengan budaya sekolah yang cemerlang.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Sumbang saran untuk mendapatkan maklumat tentang visi, misi atau piagam pelanggan sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>d. Jawatan dan tanggungjawab</b></p> <p>i. Nama jawatan seperti Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Kokurikulum dan Penyelia Petang</p> <p>ii. Struktur organisasi sekolah</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyenaraikan jawatan pentadbiran di sekolah dan menamakan penyandangannya.</li> <li>2. Menyatakan tugas utama pentadbir-pentadbir sekolah.</li> <li>3. Melabel carta organisasi sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan tanggungjawab utama semua jawatan pentadbiran di sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan tanggungjawab Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penolong Kanan Kokurikulum.</li> </ol>	<p>Menghormati dan taat kepada pemimpin sekolah.</p> <p>Menghargai jasa dan sumbangan pemimpin sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendapatkan maklumat tentang tanggungjawab jawatan utama di sekolah melalui perbincangan, temu bual dan rujukan.</li> <li>2. Dengan panduan guru, adakan main peranan mesyuarat pengurusan sekolah dan membincangkan rancangan kecemerlangan sekolah.</li> <li>3. Melukis carta organisasi sekolah dan membincangkan tanggungjawab pihak pengurusan.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>e. Peraturan dan keselamatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peraturan sekolah</li> <li>ii. Peraturan bilik darjah</li> <li>iii. Peraturan di tempat-tempat khas di sekolah seperti makmal, perpustakaan dan kantin</li> <li>iv. Langkah keselamatan jika berlaku kecemasan seperti kebakaran, kecederaan, kerosakan, kecurian dan peras ugut</li> </ul>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan peraturan bilik darjah.</li> <li>2. Menyenaraikan peraturan tempat-tempat khas di sekolah.</li> <li>3. Memberi beberapa contoh peraturan sekolah.</li> <li>4. Menyatakan langkah mencegah berlakunya kemalangan di sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan pentingnya mengadakan peraturan di sekolah.</li> </ol>	<p>Kesedaran pentingnya mematuhi dan mentaati peraturan sekolah.</p> <p>Bersama bertanggungjawab menjaga keselamatan sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendapatkan maklumat melalui tinjauan, lawatan, rujukan dan temu bual tentang peraturan sekolah.</li> <li>2. Perbincangan tentang perlunya peraturan di sekolah.</li> <li>3. Latihan kawad kebakaran.</li> <li>4. Tayangan video tentang tunjuk cara penggunaan alatan keselamatan seperti alat pemadam api.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>f. Aktiviti</b></p> <p>Kegiatan sekolah seperti Hari Ucapan, Hari Sukan, Hari Kokurikulum dan belajar sambil melawat</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Menyatakan sejauh mana kesannya usaha pihak sekolah melaksanakan langkah pencegahan kemalangan.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menceritakan aktiviti penting yang telah dijalankan di sekolah.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan keistimewaan sambutan Hari Ucapan dan Hari Kokurikulum sekolah.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat laporan tentang kejayaan salah satu aktiviti di sekolah.</p>	<p>Bersama bertanggungjawab menjayakan kegiatan sekolah.</p> <p>Berbangga dengan aktiviti sekolah.</p>	<p>5. Demontrasi rawatan pertolongan cemas.</p> <p>6. Ceramah tentang keselamatan di sekolah oleh orang sumber.</p> <p>1. Membincangkan tarikh pelaksanaan sesuatu aktiviti.</p> <p>2. Membina takwim bergambar berdasarkan takwim sekolah.</p> <p>3. Menulis laporan mengenai satu aktiviti sekolah.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>3.2 Saya dan Sekolah</b></p> <p><b>a. Peranan dan tanggungjawab</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Belajar bersungguh-sungguh</li> <li>ii. Mematuhi peraturan sekolah</li> <li>iii. Melibatkan diri dalam aktiviti sekolah</li> </ul>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan peranan setiap murid sekolah.</li> <li>2. Menyenaraikan cara belajar yang berkesan ke arah kecemerlangan.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan kepentingan menjalankan peranan dan tanggungjawab.</li> <li>2. Membuat jadual belajar harian yang berkesan.</li> </ol>	<p>Menyedari peranan dan tanggungjawab murid terhadap sekolah.</p> <p>Menyedari bahawa belajar bersungguh-sungguh adalah wajib bagi setiap murid.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membuat peta minda tentang peranan dan tanggungjawab murid.</li> <li>2. Membincangkan kepentingan menjalankan peranan dan tanggungjawab.</li> <li>3. Main peranan suatu aktiviti murid di sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Sumbangan murid kepada sekolah</b></p> <p>i. Sumbangan tenaga, bahan dan kewangan</p> <p>ii. Mengharumkan nama sekolah</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meramalkan kesan sekiranya murid tidak menunaikan tanggungjawab terhadap sekolah.</li> <li>2. Merumuskan ciri seorang murid yang cemerlang.</li> </ol> <p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan bentuk sumbangan murid terhadap sekolah.</li> <li>2. Menyatakan pentingnya sumbangan murid terhadap sekolah.</li> </ol>	<p>Berbangga dapat mengharumkan nama sekolah.</p> <p>Bersama mengharumkan nama sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berbincang dan menyenaraikan sebab-sebab murid perlu memberi sumbangan terhadap sekolah.</li> </ol>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan aktiviti sekolah yang disertai.</li> <li>2. Mengelaskan penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum dan akademik.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi pandangan bagaimana melibatkan diri secara aktif di sekolah.</li> <li>2. Menilai sumbangan murid terhadap sekolah.</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Menyenaraikan aktiviti yang dapat disertai murid untuk mengharumkan nama sekolah.</li> <li>3. Menerangkan bagaimana murid dapat mengharumkan nama sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>3.3 Sekolah dan Masyarakat</b></p> <p><b>a. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)</b></p> <p>i. Tujuan penubuhan</p> <p>ii. Keahlian</p> <p>iii. Peranan dan tanggungjawab</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan tujuan penubuhan PIBG.</li> <li>2. Menyenaikan peranan PIBG membantu meningkatkan kemajuan sekolah.</li> <li>3. Menerangkan keanggotaan PIBG sekolah.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melukis struktur organisasi PIBG.</li> <li>2. Memberi contoh sumbangan PIBG untuk meningkatkan pencapaian akademik sekolah.</li> </ol>	<p>Menyedari bahawa ibu bapa bersama bertanggungjawab memajukan sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membincangkan tentang tujuan penubuhan PIBG.</li> <li>2. Merujuk daripada pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat tentang PIBG dan sekolah.</li> <li>3. Merujuk carta organisasi PIBG sekolah, bincangkan cara pemilihan, keanggotaan dan peranannya.</li> <li>4. Temubual dengan salah seorang AJK PIBG untuk mengetahui perkembangan semasa PIBG sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Pihak lain yang memberi sumbangan kepada sekolah</b></p> <p>i. Pihak yang terlibat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan kerajaan seperti polis, bomba, tentera dan klinik desa</li> </ul>	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan antara peranan guru dan ibu bapa terhadap kemajuan murid.</li> <li>2. Meramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada sekolah sekiranya PIBG tidak memainkan peranan.</li> </ol> <p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyenaraikan jabatan kerajaan, agensi dan pertubuhan lain yang dapat membantu pihak sekolah.</li> </ol>	<p>Menyedari bahawa sekolah dan masyarakat perlu berganding bahu untuk kemajuan bersama.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat mengenai struktur PIBG.</li> </ol> <p><a href="http://kp-sktm.tripod.com/aktiviti-pibg.htm">http://kp-sktm.tripod.com/aktiviti-pibg.htm</a></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lawatan ke jabatan atau agensi berdekatan untuk mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang disediakan.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Badan bukan kerajaan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, pertubuhan belia dan Rukun Tetangga</li> <li>• Perseorangan seperti ketua kampung, tuai rumah, tokoh korporat dan wakil rakyat</li> </ul> <p>ii. Bentuk sumbangan seperti tenaga, kewangan, kepakaran dan peralatan</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan khidmat yang sekolah peroleh daripada pihak yang sentiasa memberi sumbangan.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meramalkan kesan sekiranya pihak lain tidak memberi sumbangan kepada sekolah.</li> </ol>	<p>Menghargai sumbangan agensi lain untuk kemajuan sekolah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Menonton tayangan video tentang penglibatan agensi luar di sekolah.</li> <li>3. Lakonan suatu aktiviti yang melibatkan pihak luar seperti bergotong-royong menceriakan sekolah.</li> <li>4. Mencari maklumat dari pelbagai sumber tentang sumbangan masyarakat kepada sekolah.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Khidmat sekolah kepada masyarakat</b></p> <p>i. Sumbangan kerja amal</p> <p>ii. Kemudahan fizikal seperti dewan, gelanggang, kerusi meja dan alatan siaraya</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan jenis sumbangan sekolah kepada masyarakat.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menerangkan bagaimana sekolah dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat kesimpulan mengapa sekolah sebagai institusi masyarakat.</p>	<p>Menyedari sekolah adalah institusi penting untuk memajukan masyarakat.</p>	<p>1. Menceritakan pengalaman murid dalam aktiviti kemasyarakatan.</p> <p>2. Perbincangan bagaimana sekolah dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat.</p> <p>3. Ceramah oleh pentadbir sekolah tentang sumbangan sekolah kepada masyarakat.</p>

#### **TOPIK 4 : PERIHAL SETEMPAT**

Topik ini membolehkan murid mengenali kawasan persekitarannya. Menerusi pengajaran dan pembelajaran topik ini, murid berpeluang mengetahui ciri fizikal utama dan cuaca setempat, sejarah dan identiti setempat dan masyarakat dan perkhidmatan setempat. Topik ini juga dapat menyedarkan murid supaya lebih peka terhadap isu-isu setempat dan tahu cara mengatasinya. Dengan mempelajari topik ini, perasaan cinta dan bangga akan kawasan tempat tinggal sendiri dapat dipupuk di kalangan murid.

**TOPIK 4 : PERIHAL SETEMPAT**

- OBJEKTIF :**
1. Mengenal latar belakang taman/ladang/kampung,mukim,daerah/jajahan,bahagian dan negeri tempat tinggal daripada segi lokasi dan aspek fizikal.
  2. Memperihalkan identiti setempat daripada segi sejarah dan struktur pentadbiran.
  3. Mengenal ciri masyarakat setempat daripada segi komposisi penduduk, kegiatan ekonomi, agama dan kepercayaan serta perayaan setempat.
  4. Mengetahui dan menghargai kepentingan kemudahan perkhidmatan awam yang disediakan.
  5. Peka kepada isu-isu setempat.
  6. Memupuk semangat cinta, sayang dan bangga akan kampung / taman / ladang, mukim, daerah / jajahan, bahagian dan negeri tempat tinggal sendiri.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATROTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>4. <b>PERIHAL SETEMPAT</b></p> <p>4.1 <b>Latar Belakang</b></p> <p>a. <b>Lokasi</b></p> <p>i. Kawasan tempat tinggal murid</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan tempat tinggal murid dalam kampung, mukim, daerah dan negeri</p>	<p>Sayangdan berbangga dengan tempat tinggal</p>	<p>1. Melukis peta lakar menunjukkan kawasan tempat tinggal murid.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>ii. Hubungan dengan kampung lain, mukim, daerah dan negeri</p> <p><b>b. Aspek fizikal utama</b></p> <p>Keadaan muka bumi setempat seperti tanah tinggi, tanah pamah, dataran, pantai, sungai dan kawasan berpaya</p>	<p>2. Mendefinisikan kampung, mukim, daerah dan negeri.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Melakar dan melabel peta daerah untuk menunjukkan lokasi tempat tinggal murid.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Mencadangkan cara memudahkan pengunjung sampai ke lokasi tempat tinggal murid.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyenaraikan bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal murid.</p> <p>2. Menamakan mercu tanda di tempat tinggal murid.</p>	<p>Bersyukur dengan persekitaran semula jadi yang terdapat di kawasan tempat tinggal murid.</p>	<p>2. Berdasarkan peta negeri sendiri, murid menunjukkan kedudukan tempat tinggal dalam kampung, mukim dan daerah.</p> <p>1. Dengan menggunakan peta daerah, murid menyatakan keadaan muka bumi yang terdapat di mukim dan di daerah mereka sendiri.</p>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan ciri fizikal utama kawasan tempat tinggal murid.</li> <li>2. Melukis peta lakar menjelaskan aspek fizikal utama di tempat tinggal murid.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan keistimewaan ciri fizikal utama antara dua kawasan setempat.</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Membuat model menunjukkan keadaan bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal murid daripada kertas tumbuk dan plastesin.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Cuaca</b></p> <p>i. Keadaan cuaca seperti hujan, panas, mendung dan berangin</p> <p>ii. Pengaruh cuaca terhadap kegiatan harian</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menyatakan keadaan cuaca di tempat tinggal sendiri.</li> <li>Menerangkan maksud simbol-simbol cuaca.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan ciri keistimewaan cuaca setempat.</li> <li>Menghubungkan cuaca dengan kegiatan harian.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Merumuskan hasil pemerhatian harian tentang cuaca di kawasan tempat tinggal.</li> </ol>	<p>Bersyukur dengan keadaan cuaca di tempat sendiri.</p> <p>Meredai apa jua keadaan cuaca kerana ia memberi manfaat kepada semua hidupan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melukis simbol-simbol cuaca.</li> <li>Menanda jadual cuaca berdasarkan pemerhatian harian.</li> <li>Membaca termometer dan merekodkan suhu harian.</li> <li>Membincangkan pengaruh cuaca seperti hujan lebat, cuaca panas dan angin kencang terhadap kegiatan murid.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>4.2 Identiti Setempat</b></p> <p><b>a. Sejarah dan legenda</b></p> <p>i. Asal-usul nama tempat</p> <p>ii. Cerita legenda tempatan yang terkenal</p> <p>iii. Peristiwa setempat</p>	<p>2. Merancang langkah yang perlu diambil sekiranya tempat tinggal murid mendapat bencana seperti banjir atau kemarau.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan asal-usul nama tempat tinggal murid.</p> <p>2. Mengisahkan cerita legenda setempat.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menyenaraikan peristiwa yang berlaku di kawasan setempat.</p> <p>2. Menghuraikan salah satu peristiwa setempat yang paling istimewa bagi murid.</p>	<p>Berbangga dengan identiti tempat sendiri.</p> <p>Berbangga dengan sejarah dan legenda setempat.</p>	<p>1. Menemu bual dengan penduduk setempat tentang asal-usul nama setempat.</p> <p>2. Merakam temu bual tentang cerita legenda daripada penduduk setempat.</p> <p>3. Menemu bual orang sumber tentang peristiwa penting yang berlaku di kawasan setempat.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Lagu, bendera, jata dan lambang</b></p> <p>i. Maksud</p> <p>ii. Kepentingan</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Memberi pendapat akan kebenaran tentang cerita legenda setempat.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyanyi lagu negeri dengan penuh semangat.</p> <p>2. Menyatakan maksud pada bendera negeri, simbol, jata dan lambang.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menghuraikan maksud lirik lagu negeri.</p>	<p>Menghormati bendera, lagu, jata dan lambang-lambang lain.</p>	<p>1. Menyanyi dan memberi maksud seni kata lagu negeri.</p> <p>2. Mewarna bendera, jata dan lambang negeri.</p> <p>3. Membincangkan maksud simbol pada bendera, jata dan lambang.</p> <p>4. Berpidato berdasarkan tajuk, 'Kepentingan Lagu, Bendera, Jata dan Lambang Negeri.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Tokoh dan pemimpin</b></p> <p>i. Tokoh dan pemimpin masa dahulu dan sekarang</p> <p>ii. Sumbangan tokoh dan pemimpin kepada masyarakat</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Memberi pendapat cara menghormati lagu, bendera negeri dan jata sebagai lambang kebanggaan negeri .</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menamakan tokoh dan pemimpin setempat.</p> <p>2. Menulis biodata ringkas tentang tokoh dan pemimpin setempat dan sumbangannya.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Mengkelaskan tokoh dan pemimpin setempat mengikut jenis sumbangan.</p>	<p>Mengenang jasa dan menghargai sumbangan tokoh dan pemimpin setempat.</p>	<p>1. Mengumpul maklumat mengenai sumbangan tokoh atau pemimpin setempat daripada pelbagai sumber.</p> <p>2. Mendokumentasikan biodata tokoh atau pemimpin setempat.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>d. Keistimewaan setempat</b></p> <p>Keistimewaan daripada segi alam semula jadi, sejarah, kegiatan ekonomi dan budaya</p>	<p>2. Menjelaskan sebab seseorang pemimpin setempat dikagumi.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Menilai kesan sumbangan dan kewibawaan seorang tokoh atau pemimpin setempat kepada masyarakat.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan keistimewaan tempat tinggal murid.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menerangkan ciri keistimewaan setempat.</p>	<p>Berbangga dengan keistimewaan tempat sendiri.</p> <p>Bersama bertanggungjawab untuk meningkatkan imej tempat sendiri.</p>	<p>1. Melawat ke tempat istimewa setempat.</p> <p>2. Menemu bual penduduk tentang keistimewaan setempat.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>4.3 Masyarakat Setempat</b></p> <p><b>a. Keturunan</b></p>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membandingkan dan membezakan keistimewaan antara dua kawasan setempat.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan keturunan masyarakat setempat.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menghuraikan kewujudan komposisi masyarakat setempat.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Menganalisis komposisi masyarakat setempat berdasarkan keturunan.</p>	<p>Menyedari bahawa masyarakat setempat terdiri daripada pelbagai keturunan.</p>	<p>3. Merujuk pelbagai sumber untuk mengumpul maklumat tentang keistimewaan setempat.</p> <p>1. Merujuk pelbagai sumber untuk mengumpul maklumat tentang keturunan masyarakat setempat.</p> <p>2. Menghasilkan buku skrap tentang keturunan masyarakat setempat.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Perayaan dan sambutan</b></p> <p>Pelbagai perayaan dan sambutan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai dan Pesta Menuai</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyenaraikan pelbagai perayaan dan sambutan masyarakat setempat.</li> <li>2. Menyatakan bilakah perayaan setempat diadakan.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menceritakan bagaimana sesuatu perayaan dan sambutan diraikan.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan perayaan dan sambutan antara dua kaum.</li> </ol>	<p>Menghormati upacara perayaan dan sambutan untuk mewujudkan masyarakat harmoni.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengkaji kalendar untuk mendapatkan tarikh, jenis dan perayaan sambutan.</li> <li>2. Mengkelaskan perayaan dan sambutan mengikut agama, bangsa, kaum dan etnik.</li> <li>3. Membuat kad-kad ucapan hari perayaan.</li> </ol>



TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>c. Pekerjaan</b></p> <p>i. Pekerjaan utama penduduk</p> <p>ii. Faktor yang mempengaruhi pekerjaan utama</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyenaraikan jenis pekerjaan penduduk setempat.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan faktor yang mempengaruhi pekerjaan utama penduduk setempat.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Mencadangkan cara bagi membanyakkan peluang pekerjaan di kalangan masyarakat setempat.</p>	<p>Berbangga dengan sumbangan tenaga individu untuk kemakmuran negara.</p>	<p>1. Mengklasifikasikan pekerjaan setempat berdasarkan bidang-bidang tertentu.</p> <p>2. Menemu bual penduduk setempat tentang pekerjaan mereka. Perbincangan perlu menitikberatkan mengapa dan bagaimana pekerjaan tersebut dilakukan.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>4.4 Pentadbiran</b></p> <p><b>a. Jawatan di pelbagai peringkat</b></p> <p>i. Kampung</p> <p>ii. Mukim</p> <p>iii. Daerah</p> <p>iv. Negeri</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Memberi nama ketua pentadbiran mengikut jawatan di peringkat kampung, mukim, daerah dan negeri.</p> <p>2. Menyatakan organisasi pentadbiran tempat tinggal murid hingga ke peringkat negeri.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Melukis dan melabel carta organisasi pentadbiran negeri.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Menamakan jabatan-jabatan pentadbiran dan gelaran jawatan ketua jabatan tersebut.</p>	<p>Menghormati ketua-ketua pentadbiran setempat.</p>	<p>1. Mencari maklumat tentang jawatan pentadbiran melalui temu bual.</p> <p>2. Berbincang serta mencatatkan hasil perbincangan secara kumpulan tentang bidang kuasa mengikut kawasan bagi tiap-tiap organisasi pentadbiran.</p> <p><b>Contoh</b> Penghulu : Pentadbiran sesuatu mukim.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>4.5 Kemudahan dan Perkhidmatan Awam</b></p> <p><b>a. Jenis dan kepentingan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perkhidmatan perhubungan</li> <li>ii. Perkhidmatan pendidikan</li> <li>iii. Perkhidmatan kesihatan dan keselamatan</li> <li>iv. Kemudahan mendapatkan keperluan harian</li> <li>v. Kemudahan beribadat</li> <li>vi. Kemudahan rekreasi</li> </ul>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyatakan maksud kemudahan dan perkhidmatan awam.</li> <li>2. Menyenaraikan pelbagai perkhidmatan awam di tempat murid.</li> <li>3. Menyatakan fungsi kemudahan dan perkhidmatan awam.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghuraikan kemudahan dan perkhidmatan awam setempat.</li> <li>2. Menjelaskan kepentingan pelbagai perkhidmatan awam di tempat murid.</li> </ol>	<p>Bersyukur dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di kawasan setempat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdasarkan satu jenis kemudahan awam, bincangkan kepentingan dan cara menjaganya.</li> <li>2. Taklimat daripada orang sumber mengenai per-khidmatan awam setempat.</li> <li>3. Mengumpulkan bahan edaran seperti risalah dan poster yang berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan awam. Bincang dan catatkan perkara penting tentang kepentingan kemudahan dan perkhidmatan awam.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>b. Peranan dan tanggungjawab pengguna</b></p> <p>i. Peraturan dan tata tertib semasa menggunakan kemudahan awam</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membandingkan dan membezakan kawasan yang mempunyai kemudahan perkhidmatan awam dengan kawasan yang tiada kemudahan dan perkhidmatan awam.</li> <li>2. Memberi pendapat tentang mutu kemudahan dan perkhidmatan awam setempat.</li> </ol> <p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan cara yang betul menggunakan salah satu jenis kemudahan awam.</li> </ol>	<p>Menghargai kemudahan perkhidmatan awam yang ada.</p> <p>Bersama bertanggungjawab menjaga kemudahan awam.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Melayari laman web institusi atau syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan awam untuk mengetahui kepentingan organisasi tersebut.</li> </ol> <p><a href="http://internetportals.ws/malaysia_government.htm">http://internetportals.ws/malaysia_government.htm</a></p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>2. Menerangkan cara menjaga dan menyenggara salah satu jenis kemudahan awam.</p> <p>3. Menyatakan peraturan menggunakan salah satu kemudahan awam.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan pentingnya menjaga kemudahan awam.</p> <p>2. Menyatakan masalah yang akan dihadapi jika salah satu kemudahan awam tergendala.</p>		<p>1. Melawat tempat kemudahan awam seperti telefon awam, taman permainan kanak-kanak, balai raya, dewan orang ramai dan pondok perhentian bas dan membuat catatan penting tentang lawatan.</p> <p>2. Perbincangan mengenai kepentingan dan tanggungjawab terhadap kemudahan awam.</p> <p>3. Simulasi nyanyian dan main peranan tentang penggunaan kemudahan awam dan penjagaannya.</p>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>ii. Bertanggungjawab terhadap kemudahan awam</p> <p>iii. Menjaga dan membantu menyenggara kemudahan awam</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mencadangkan cara meningkatkan mutu perkhidmatan salah satu kemudahan awam setempat.</li> <li>2. Menghuraikan bagaimana aktiviti membeli-belah dan pembayaran bil tanpa ke kedai atau ke tempat pembayaran.</li> </ol>	<p>Bersyukur serta menghargai usaha pihak berkuasa yang sentiasa peka kepada keperluan rakyat menikmati kemudahan perkhidmatan awam.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Membincangkan cara mengatasi masalah yang sama di sekolah dan di kawasan tempat tinggal.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p><b>4.6 Isu Setempat</b></p> <p><b>a. Mengenal pasti isu dan cara mengatasinya</b></p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyenaraikan isu setempat yang sering berlaku.</li> <li>2. Menyatakan punca sesuatu isu terjadi.</li> <li>3. Menyatakan pihak yang terbabit dengan isu setempat.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghuraikan isu setempat.</li> <li>2. Menghuraikan peranan masyarakat dalam menangani isu setempat.</li> </ol>	<p>Peka dengan isu setempat serta berusaha mengatasinya.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber seperti temu bual dengan ibu bapa dan penduduk kampung tentang isu setempat.</li> <li>2. Mengumpul gambar menunjukkan isu setempat seperti pencemaran, kesesakan lalu lintas dan merosakkan kemudahan awam dan bincangkan mengenainya.</li> <li>3. Membuat buku sumber tentang isu setempat.</li> </ol>

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya isu setempat tidak dapat ditangani secara berkesan.</li> </ol>	<p>Bertanggungjawab untuk meningkatkan imej setempat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Lakonan tentang cara mengatasi isu setempat.</li> <li>5. Sumbang saran tentang cara meningkatkan imej setempat.</li> </ol>